

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 29.04.2026 MASA: 08.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF
TAMAN PANTAI, BUTTERWORTH, SEBERANG PERAI
UTARA, PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

**30 APRIL 2026 (KHAMIS)
9.35 PAGI**

**TAMAN PANTAI, JALAN PANTAI
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ahli Parlimen Bagan

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Normaira Binti Abdul Rahman

Pengarah Pembangunan Lestari Merangkap Penyelaras Program

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik

Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam satu majlis yang penuh bermakna dan bersejarah, iaitu **Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Taman Pantai, Butterworth, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.**
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye** dan **Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng** atas kesudian hadir, sekali gus menyerlahkan komitmen

padu kepimpinan dalam memperkasa pembangunan bandar yang inklusif, lestari dan berteraskan kesejahteraan rakyat.

3. Ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Think City Sdn. Bhd., dif-dif jemputan, rakan-rakan media, warga kerja MBSP, komuniti setempat, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir; yang bersama-sama menjadi nadi kepada kejayaan transformasi ruang awam ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Jika kita menoleh ke belakang, sekitar tahun 2016, usaha menghidupkan semula Butterworth bermula melalui *Program Urban Regeneration Butterworth* hasil kerjasama MBSP dan Think City. Program ini bukan sekadar pembangunan fizikal, tetapi usaha menghidupkan semula jiwa bandar dan memberi nafas baharu kepada ruang yang pernah terpinggir. Inisiatif ini mencerminkan aspirasi untuk menjadikan Butterworth sebagai sebuah *liveable city*, serta menepati matlamat *Sustainable Development Goals (SDG)* ke arah pembangunan yang mampan dan berdaya tahan.
5. Hari ini, kita menyaksikan hasil kesinambungan usaha tersebut. Taman Pantai yang suatu ketika dahulu menjadi lokasi tumpuan masyarakat; daripada kampung nelayan, pesisir bakau, hinggalah menjadi pusat riadah; kini diberi nafas baharu. Dahulu, kawasan ini

pernah suram dan kurang dikunjungi, khususnya oleh generasi muda. Namun hari ini, kita berdiri di sebuah ruang yang kembali berdenyut dengan kehidupan.

6. Projek naik taraf ini bukan sekadar menaik taraf landskap fizikal, tetapi merupakan usaha strategik untuk mengembalikan hubungan antara manusia dengan alam, antara komuniti dengan ruang awam, dan antara sejarah dengan masa hadapan.

7. Dengan kos keseluruhan sebanyak **RM755,420.00**, melibatkan **peruntukan MBSP sebanyak RM650,000.00** serta **sumbangan RM105,420.00 daripada Think City Sdn. Bhd.**, Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Think City atas sokongan padu dalam menjayakan projek ini. Projek ini telah bermula pada 15 Oktober 2024 dan siap sepenuhnya pada 19 September 2025, melibatkan keluasan Lot 2431, Taman Pantai seluas 1.480 ekar.

8. Pelbagai kemudahan telah disediakan, daripada laluan pejalan kaki dan trek jogging, plaza Taichi, taman permainan kanak-kanak, peralatan senaman, hinggalah landskap hijau yang menenangkan. Malah, konsep *Universal Design* turut diterapkan bagi memastikan taman ini benar-benar milik semua; termasuk penyediaan papan

informasi sejarah dengan tulisan *Braille* sebagai simbol keprihatinan terhadap golongan kelainan upaya.

9. Inilah wajah bandar masa hadapan yang kita impikan; bandar yang bukan sahaja moden, tetapi berjiwa; bukan sahaja maju, tetapi inklusif; bukan sahaja membangun, tetapi menyantuni.

Hadirin sekalian,

10. Taman Pantai ini bukan sekadar sebuah taman. Ia adalah simbol kebangkitan semula Butterworth. Ia adalah ruang yang menghubungkan generasi lama dengan generasi baharu. Ia adalah bukti bahawa apabila perancangan strategik, komitmen kepimpinan dan sokongan komuniti digabungkan, keajaiban mampu dicipta.
11. Saya percaya, dengan semangat Penang 2030 - *A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*; Taman Pantai ini akan terus berkembang sebagai ikon ruang awam yang bukan sahaja menjadi tempat riadah, tetapi juga medan interaksi sosial, pemangkin ekonomi setempat dan tarikan pelancongan yang membanggakan.
12. **Harapan saya**, semoga taman ini tidak hanya indah pada hari ini, tetapi terus dipelihara, dihargai dan dihidupkan oleh masyarakat. Gunakanlah ruang ini untuk beriadah, berinteraksi, dan membina

kebersamaan. Jadikanlah ia sebagai tempat di mana anak-anak bermain dengan riang, warga emas bersantai dengan tenang, dan keluarga berkumpul dengan penuh kasih sayang.

13. Lebih daripada itu, saya berharap Taman Pantai ini menjadi ruang yang mencipta kenangan; tempat di mana setiap langkah membawa makna, setiap sudut menyimpan cerita, dan setiap kunjungan meninggalkan rasa bangga terhadap bandar kita sendiri.
14. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menjaga dan memanfaatkan kemudahan ini dengan sebaiknya. Sesungguhnya, bandar yang hebat bukan hanya diukur melalui pembangunan fizikalnya, tetapi melalui jiwa komuniti yang menghidupkannya.

Mudah-mudahan usaha murni ini diberkati serta memberi manfaat berpanjangan kepada generasi hari ini dan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***